



ABD RAHIM RAHMAT | BERITA HARIAN

ELAK BENCANA: Empangan Sembrong di Kluang masih mengalirkan air secara berperingkat, semalam.

20/11 Bt

Lepas air dua empangan elak bencana besar

PUTRAJAYA: Pelepasan air dari dua empangan di Batu Pahat perlu untuk mengelak kemusnahan lebih besar akibat banjir di daerah yang masih mempunyai lebih 40,000 mangsa banjir di pusat pemindahan.

Pengarah Direktorat Pengurusan Krisis dan Bencana Bahagian Keselamatan Negara (BKN), Che Moin Umar, berkata setiap empangan mempunyai paras kritikal dan jika tidak dilepaskan kemungkinan besar empangan boleh pecah.

"Ia tentu memberi kesan lebih teruk kepada penduduk berhampiran. BKN sudah mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memberi penerangan mengenai aspek keselamatan empangan kepada orang ramai.

"Masalah air yang semakin naik di Batu Pahat bukan saja berpunca daripada air empangan malah akibat aliran air dari kawasan lain, menyebab-

kan banjir di daerah itu belum surut berbanding kawasan lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyampaian cek sumbangan untuk Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) dan Tabung Mangsa Banjir TV3 di sini semalam.

Che Moin mengulas tindakan melepaskan air empangan di Johor yang menyebabkan paras air khususnya di Batu Pahat meningkat, hingga menimbulkan kebimbangan orang ramai.

Selain bimbang banjir di Batu Pahat bertambah buruk, tindakan itu juga mengakibatkan sebahagian besar mangsa yang sudah pulang ke rumah terpaksa kembali ke pusat pemindahan.

Mengenai langkah mengempam air dari Batu Pahat ke laut, beliau berkata, ketika ini 21 pam air sudah dipasang tetapi hanya boleh dilaksanakan dengan berkesan selepas daerah berhampiran pulih daripada banjir.

Sementara itu, Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor, berkata pihaknya menuhkan sukarelawan kekal yang dikenali sebagai 'Skuad Waja Felda' bagi membantu mangsa banjir.

Beliau berkata, pihaknya memandang serius masalah itu walaupun hanya 300 keluarga Felda terbabat banjir tahun ini.

“Masalah di Batu Pahat akibat aliran air dari kawasan lain”

Che Moin Umar
Pengarah Direktorat Pengurusan
Krisis dan Bencana BKN